

20/03/2004

BN parti terbaik perlu terus diberi mandat

Jalal Ali Abdul Rahim

IPOH: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata Barisan Nasional (BN) yang diasaskan daripada Perikatan perlu terus diberikan mandat memerintah negara ini kerana parti itu adalah yang terbaik bagi rakyat dan negara ini.

Beliau berkata, konsep BN iaitu kerajaan berbentuk campuran yang cekap mentadbir negara dan mengutamakan kepentingan semua kaum adalah jawapan kepada kemakmuran, kemajuan dan keamanan yang dikecapi rakyat sejak negara merdeka sehingga hari ini.

Katanya, pendekatan BN bukan saja setakat bersedia berkongsi kuasa dan kekayaan, malah berkongsi perayaan.

"Saya kali ini menjadi pengundi biasa, tak ada rahsia-rahsia lagi, awal-awal saya nak beritahu, saya nak undi BN.

"Yang bertanding dalam pilihan raya adalah BN, bukan orang India ke, Melayu ke.

"Kita mengundi mereka sebab kita nak BN, jadi lupakan siapa mereka itu kerana selama ini BN yang membawa pembangunan dalam apa juga yang kita nikmati sekarang," katanya sambil mendapat tepukan gemuruh lebih 2,000 orang yang hadir mendengar ucapan bertajuk Bersatu Membangun Negara disampaikan bekas Perdana Menteri itu di Dewan Bankuet Bangunan Darul Ridzuan di sini, semalam.

Ini adalah lawatan pertama Dr Mahathir ke Perak selepas bersara, tahun lalu.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Dr Isahak Yeop Mohd Shar.

Dalam sesi dialog selepas itu, Dr Mahathir berkata, negara tidak memerlukan pembangkang seperti Pas atau DAP yang hanya memperjuangkan kepentingan kaum yang boleh merosakkan perimbangan antara kaum.

Katanya, parti berkenaan juga bukan pembangkang yang baik kerana tidak membuat kritikan membina demi kebaikan negara.

"Benar (perlu) ada pembangkang tetapi pembangkang jenis apa. Pembangkang yang membuat kritik secara membangun, tetapi pembangkang yang kita dapati di Malaysia ini tidak membuat kritik membangun.

"Mereka cuma bangkang saja, apapun kita buat dia bangkang...sebab itu kita tidak perlu kepada pembangkang ini terutama macam (Pengerusi DAP) Lim Kit Siang.

"Dia kata ini kali terakhir, kalau saya (Kit Siang) kalah saya tidak akan bertanding lagi. Berapa kali dah dia kata, nak bertanding juga, kata dia masih muda.

"Saya tak kata pun saya nak letak jawatan, saya (kemudian) letak jawatan tetapi dia dok cakap saja nak letak jawatan, tak mau bertanding tetapi dok situ juga.

"Ini macam gila-gila sikitlah, kita rasa nak dapat sesuatu tu, lupa janji, lupa segala-galanya. Orang yang semacam ini jangan pilih," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir meminta pengundi di Parlimen Ipoh Timur tidak memilih Lim kerana negara tidak perlu pembangkang sepertinya.

Beliau berkata, BN sendiri dalam membuat sebarang keputusan dan menentukan dasar, memberi peluang kepada semua wakil parti komponen yang mewakili kepentingan kaum masing-masing mengemukakan pandangan dan pendapat secara panjang lebar dalam Kabinet sebelum membuat keputusan.

Katanya, orang Melayu negara ini tidak tamak atau mementingkan diri sendiri dan ini dibuktikan sejak dulu lagi apabila Umno sanggup bekerjasama dengan parti mewakili kaum lain.

Dr Mahathir berkata, Pas pula bukan saja mempergunakan agama untuk kepentingan politik tetapi sering menimbulkan perkara remeh dan kecil sebagai isu sejak dulu lagi.

Katanya, Pas juga mengajar orang supaya tidak mengenang budi atau berterima kasih yang menjadi budaya Melayu.

"Kejayaan terbesar Pas adalah memburukkan budi. Dia kata tak payah terima kasih kepada sesiapa sekalipun," katanya.

Dr Mahathir berkata, negara mesti dimaju dan diperkuatkan lagi bagi mengelak ditindas kuasa besar.

Katanya, hanya dengan memberi kemenangan kepada BN, maruah bangsa, agama dan negara dapat diperkukuhkan.

"Tugas kita mudah, hanya keluar mengundi," katanya.

Mengenai tuduhan beliau seorang diktator, Dr Mahathir berkata, rakyat yang memilihnya dan mereka boleh menyingkirnya jika mereka tidak suka padanya.

"Dalam sejarah dunia belum ada diktator yang bersara," katanya menyebabkan dewan menjadi gamat seketika.

"Saya mahu jawatan itu sebab saya nak buat sesuatu yang baik kepada negara," katanya.